

29 JUL 1999

Hasmah-wanita

WANITA DIMINTA BERSATU HALANG CUBAAN GUGAT KEHARMONIAN

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Golongan wanita diminta bersatu bagi menghalang pengaruh dan rancangan pihak tertentu untuk menggugat keharmonian negara.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata perkara itu penting memandangkan terdapat unsur-unsur campur tangan pihak luar terhadap hal ehwal dalaman negara ini.

"Saya sedih, di saat negara kita dipuji oleh pihak luar, ada orang dalam negara yang tidak bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang ada di negara sendiri," kata isteri Perdana Menteri ketika berucap pada majlis perjumpaan mesra badan-badan wanita negeri Terengganu di Seri Iman di sini hari ini. Beliau berada di negeri ini untuk mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasmi Perdana Menteri selama dua hari ke Terengganu bermula hari ini.

Siti Hasmah berkata, wanita tempatan sebenarnya boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan negara serta mempereratkan perpaduan masyarakat.

Malah wanita juga boleh memainkan peranan berkesan dengan golongan lelaki dalam menangani isu-isu tertentu termasuk memberi nasihat berhubung masalah wanita dan kanak-kanak di negara ini, katanya.

"Kita tidak lagi hadir sebagai mengiringi suami. Pada persidangan Dailog Antarabangsa Langkawi baru-baru ini, saya dipilih sebagai peserta persidangan dan ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi terhadap wanita terutamanya di Malaysia," katanya.

Malah pada persidangan itu, katanya, Malaysia telah menganjurkan satu forum mengenai wanita kerana kebanyakan wakil dari negara luar ingin mengetahui peranan wanita tempatan.

"Saya bersyukur kerana kita berjaya memberikan hujah mengenai wanita pada forum bertaraf antarabangsa itu sehingga wanita kita telah mendapat pujian daripada peserta negara luar," katanya.

Siti Hasmah berkata, golongan wanita perlu menjadikan pengiktirafan itu sebagai landasan untuk mereka bekerja kuat bagi menceburi pelbagai bidang dalam mengisi pembangunan negara.

-- BERNAMA

AYB MAI